

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HMP 304 Sejarah Perkembangan Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT(4) soalan dalam DUA(2) muka surat.

**ARAHAN**

- Jawab **SEMUA** soalan.
- Semua soalan membawa nilai markah yang sama.
- Jawapan mestilah ringkas, lengkap, bernas dan analitikal.
- Gunakan muka surat baru bagi setiap nombor soalan baru dan tulis nombor soalan berkenaan di bahagian atas kertas jawapan.
- Di muka hadapan kertas jawapan, tulis nombor soalan yang dijawab sahaja, menurut nombor terdahulu.

**1. SAMA ADA**

- (a) Sila beri bergagai-bagai bukti bahawa bahasa Melayu sudah ada sejak tahun 644 Masehi.

**ATAU**

- (b) Sila beri berbagai-bagai bukti bahawa bahasa Melayu bukan berasal dari Asia Tengah.

**2. SAMA ADA**

- (a) Pengaruh bahasa Sanskrit terhadap bahasa Melayu sehingga saat ini masih jelas terlihat. Nyatakan apa sebabnya dan sertakan contoh yang sesuai.

**ATAU**

- (b) Pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu sehingga saat ini masih jelas terlihat. Nyatakan apa sebabnya dan sertakan contoh yang sesuai.

.../2

3. SAMA ADA

- (a) Setelah membuat kajian tentang rekonstruksi bahasa Melayu Proto, apakah kesimpulan yang diperolehi oleh Robert Blust (1985) terhadap bahasa Melayu?

ATAU

- (b) Setelah membuat kajian tentang rekonstruksi bahasa Melayu Proto, apakah kesimpulan yang diperolehi oleh K.A. Adelaar (1985) terhadap bahasa Melayu?

4. SAMA ADA

- (a) Perhatikan ayat yang terdapat di dalam buku Sulalatus Salatin seperti yang berikut ini:

Alkisah maka tersebutlah perkataan sebuah negeri di tanah Andalas, Palembang namanya; nama rajanya Demang Lebar Daun, asalnya daripada anak cucu Raja Sulan juga. Adapun negeri Palembang itu, Palembang yang ada sekarang inilah. Muara Tatang nama Sungainya, di hulunya itu ada sebuah sungai, Melayu namanya.

Dengan analisis Rajah Pohon, sila tulis semula ayat di atas menjadi ayat bahasa Malaysia Tinggi.

ATAU

- (b) Perhatikan ayat yang terdapat di dalam buku Hikayat Merong Mahawangsa seperti yang berikut ini:

Sebermula, maka tersebutlah perkataan Pulau Langkapuri itu. Selama peninggal perang Seri Rama dan Anduman jadi sunyilah pulau itu, tiada siapa-siapa duduk; maka datanglah seekor burung garuda yang amat besarnya, iaitu asalnya daripada anak cucu Maharaja Dewa.

Dengan analisis Rajah Pohon, sila tulis semula ayat di atas menjadi bahasa Malaysia Tinggi.